

## **Kaedah-Kaedah Berinteraksi Dengan Hadith-Hadith *Mushkil* Berkaitan Wanita**

**Muhammad Adam Abd. Azid**

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[adamsaifulislam@gmail.com](mailto:adamsaifulislam@gmail.com)

**Najah Nadiyah Amran**

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[najah@ukm.edu.my](mailto:najah@ukm.edu.my)

**Latifah Abdul Majid**

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[latifah@ukm.edu.my](mailto:latifah@ukm.edu.my)

### **Abstrak**

*Aplikasi ilmu mushkil al-hadith amat signifikan dalam berinteraksi dengan hadith-hadith Rasulullah SAW. Hal ini bagi memastikan hadith-hadith Rasulullah SAW tidak disalah tafsir dan disalah fahami. Justeru, para ulama telah meletakkan garis panduan dalam berinteraksi dengan hadith-hadith yang didakwa mengelirukan. Namun, masih terdapat sesetengah pihak terutamanya golongan feminis mendakwa terdapat beberapa hadith mushkil yang seolah-olah bersifat misoginis dan mendiskriminasi kaum wanita. Senario ini menunjukkan perlunya perhatian khusus diberikan kepada hadith-hadith mushkil tentang wanita. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menggariskan kaedah-kaedah yang tepat bagi berinteraksi dengan hadith-hadith mushkil berkaitan wanita bagi mengelakkan kekeliruan serta menjernihkan salah faham terhadap hadith-hadith mushkil tersebut. Metode digunakan adalah kajian kualitatif berasaskan kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati terdapat lima kaedah dalam berinteraksi dengan hadith-hadith mushkil berkaitan wanita iaitu meneliti autoriti hadith, menghimpun dan meneliti keseluruhan riwayat yang berkaitan, meneliti asbab al-wurud hadith, memahami konteks hadith diucapkan dan memahami maqasid hadith.*

**Kata Kunci:** *Mushkil al-Hadith; Wanita; Diskriminasi; Misoginis*

### **Pendahuluan**

Keberadaan wanita dalam hadith Rasulullah SAW sentiasa menjadi medan diskusi yang penuh kontroversi. Sehingga timbul dakwaan yang menyatakan bahawa hadith Rasulullah SAW secara langsung mahupun tidak langsung telah menghina dan merendahkan martabat kaum wanita (Norhasnira, Nur Saadah & Shamsudin, 2018). Rentetan daripada itu, Islam dianggap sebagai agama yang menindas, mengeksploitasi, menganiayai dan merendahkan kaum wanita (Norhasnira, Nur Saadah & Shamsudin, 2018).

Unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita dalam hadith Rasulullah SAW diistilah sebagai misogini atau anti wanita (Mohd Anuar & Rahimin Affandi, 2011). Terdapat sejumlah hadith Rasulullah SAW yang didakwa oleh sesetengah pihak wujud elemen misogynistik. Antaranya hadith penyamatarafan wanita dengan anjing dan keldai, penciptaan wanita daripada tulang rusuk yang bengkok, majoriti ahli neraka adalah wanita, laknat buat isteri yang derhaka dan seumpamanya (Mohd Anuar & Rahimin Affandi, 2011).

Tambahan pula, persoalan juga turut ditimbulkan apabila sebahagian daripada hadith misogini tersebut tergolong dalam kategori hadith-hadith yang *maqbul* (*sahih* atau *hasan*). Natijahnya, terdapat golongan yang meminta supaya status dan kandungan hadith tersebut dinilai semula, bahkan terdapat juga yang secara dangkal men-*da'if*-kan hadith-hadith tersebut tanpa melalui disiplin ilmu yang ditetapkan oleh para ulama (Nur Saadah, 2019).

### Isu-Isu Hadith *Mushkil* Berkaitan Wanita

Penolakan terhadap hadith-hadith *maqbul* tersebut dianggap dangkal kerana kesimpulan dilakukan secara literal daripada teks hadith tanpa mengambil kira aspek-aspek yang perlu diteliti dalam memahami hadith Rasulullah SAW. Perlu diketahui bahawa sebagaimana wujudnya ilmu-ilmu berkaitan dengan sanad hadith, terdapat juga ilmu-ilmu yang berkaitan dengan matan hadith seperti ilmu *gharib al-hadith*, *mukhtalif*, *mushkil*, *nasikh* dan *mansukh*, *asbab wurud* dan seumpamanya (Sharaf Mahmud al-Qudah, t.t).

Jika diteliti, sebahagian daripada hadith-hadith yang dikritik tersebut termasuk dalam kategori hadith-hadith yang *mushkil*. Justeru, untuk berinteraksi dengannya mestilah melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh para ulama yang muktabar. Hal ini bagi memastikan kefahaman yang betul dapat disimpulkan daripada hadith-hadith *mushkil* tersebut.

Namun, prosedur-prosedur berkenaan kelihatannya diabaikan oleh sesetengah pihak, bahkan mereka seakan mempunyai metodologi tersendiri yang selari dengan ideologi mereka (Mohd Akil, Mazlan & Dwi Sukmanila, 2011). Natijahnya pelbagai kritikan dilemparkan terhadap hadith Rasulullah SAW. Sebagai contoh, Guillaume iaitu seorang orientalis telah mendakwa hadith-hadith *mushkil* tersebut telah direka dengan mencerminkan kecenderungan politik dan keagamaan dari berbagai kumpulan (Nur Saadah, 2019).

Tokoh feminis iaitu Rifaat Hassan pula menyatakan bahawa hadith “wanita dicipta daripada tulang rusuk yang bengkok” adalah menjadi punca kepada pembentukan pandangan bahawa kedudukan wanita rendah dalam tradisi Islam. Tambahan pula, beliau juga memutuskan untuk menolak hadith-hadith yang mengandungi wacana misogini walaupun hadith tersebut bertaraf *ṣaḥīḥ* (Nur Saadah, 2019).

Selain itu, Fatima Mernissi melalui bukunya bertajuk *The Veil and the Male Elite: A Feminist Interpretation of Women's Right in Islam* telah menuduh bahawa hadith-hadith Rasulullah SAW telah ditafsirkan oleh ulama lelaki untuk kepentingan peribadi mereka sendiri sehingga tersebarly unsur misogini dalam teks-teks agama. Bahkan, beliau berpendapat hadith-hadith *ṣaḥīḥ* yang

berunsur misogini boleh dipersoalkan serta dinilai semula kerana berkemungkinan telah direka dan dimanipulasi oleh perawi lelaki (Nur Saadah, 2019).

Mengaplikasikan metode kajian sejarah dan linguistik, Fatima Mernissi berpendapat hadith penyamatarafan wanita dan anjing dan keldai serta hadith melarang wanita menjadi seorang pemimpin boleh diragui kesahihannya (Nurhasnira, Nur Saadah & Shamsudin, 2018). Penolakan dan kecaman terhadap hadith penyamatarafan wanita dengan anjing dan keldai juga turut dilontarkan oleh feminis-feminis yang lain seperti Ruth Roded dalam bukunya berjudul *Women in Islam and the Middle East: A Reader*, Kecia Ali melalui artikelnya *A Beautiful Example: The Prophet Muhammad as a Model for Muslim Husband*, Wardah Hafidz dalam artikelnya bertajuk *Misogyny Dalam Fundamentalisme Islam* dan beberapa feminis lain lagi. Mereka turut menuduh bahawa hadith berkenaan sangat lemah kerana menghina dan mendiskriminasi kaum wanita (Nurhasnira, Nur Saadah & Shamsudin, 2018).

Manakala, gerakan feminis di Malaysia iaitu Sister in Islam (SIS) telah mengkritik dan menolak hadith-hadith yang mengancam hak-hak wanita seperti hadith wanita dilaknat apabila tidak memenuhi kehendak seksual suami, keredaan suami menentukan Syurga isteri dan hadith larangan melantik pemimpin daripada golongan wanita (Nur Saadah, 2019).

Kehujahan hadith yang *sahih* juga ditolak dengan alasan hadith tersebut adalah hadith *ahad*. Sebagaimana hadith tentang kepimpinan wanita yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab *sahih*-nya. Menurut feminis, hadith tersebut tidak boleh dijadikan sebagai landasan hukum kerana berstatus *ahad* (Usamah, 2013).

Jika diteliti, terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kecaman dan penolakan gerakan feminis terhadap hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita ini. Hal ini berkait rapat dengan metodologi yang diaplikasikan oleh mereka dalam berinteraksi dengan hadith-hadith berkenaan. Antaranya adalah (Mohd Akil, Mazlan & Dwi Sukmanila, 2011):

- i. Hadith-hadith difahami dan ditafsir berdasarkan kerangka pemikiran sekular-liberal.
- ii. Menyimpulkan hadith-hadith berdasarkan zahir teks tanpa mengambil kira disiplin-disiplin yang ditetapkan oleh para ulama muktabar.
- iii. Mempertikaikan kemaksuman Rasulullah SAW dan 'adalah para sahabat baginda SAW.
- iv. Kesetaraan gender dan hak asasi manusia Barat dijadikan ukuran atau asas dalam menilai hadith-hadith Rasulullah SAW.

### **Kaedah-Kaedah Berinteraksi dengan Hadith *Mushkil* Berkaitan Wanita**

Berdasarkan isu-isu yang disoroti, didapati bahawa hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita sering difokuskan oleh sesetengah pihak bagi menimbulkan keraguan dan menyerang hadith-hadith serta peribadi Rasulullah SAW. Hal ini berpunca daripada pengaplikasian metologi yang salah ketika memahami hadith-hadith tersebut sehingga menimbulkan salah faham.

Oleh yang demikian, bagi mendapatkan kefahaman yang betul berkaitan hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita tersebut, kaedah-kaedah yang tepat sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulama muktabar mestilah dijadikan panduan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, berikut adalah beberapa kaedah yang pada hemat pengkaji sesuai untuk diaplikasikan apabila hendak berinteraksi dengan hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita. Sub-tajuk 3.1 diaplikasikan untuk hadith-hadith yang tidak diketahui statusnya, manakala sub-tajuk 3.2, 3.3, 3.4 dan 3.5 dikhususkan kepada hadith-hadith yang telah dipastikan statusnya adalah *maqbul*.

### **i. Meneliti Autoriti Hadith**

Aspek pertama dan terpenting yang seharusnya diberi perhatian oleh seseorang apabila hendak mempersoalkan hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita adalah keautoritian hadith-hadith tersebut sama ada dalam kategori hadith *maqbul* (*sahih atau hasan*) atau *mardud* (*da'if dan palsu*). Penelitian terhadap keautoritian hadith amat penting supaya tidak tersilap mengguna pakai hadith-hadith yang tidak berautoriti sebagai hujah.

Para ulama telah bersepakat bahawa hanya hadith-hadith *maqbul* sahaja layak dijadikan hujah dalam menetapkan hukum hakam Syarak dan dalam perkara halal dan haram (Yusuf al-Qaradawi, 1996). Manakala, ulama berbeza pendapat tentang keharusan beramal dengan hadith-hadith yang *da'if*, majoriti ulama mengharuskan beramal dengannya dengan syarat ke-*da'if*-annya *khafif* (ringan) dan dalam aspek *fada'il al-'amal* (kelebihan beramal), *targhib wa tarhib* (galakan dan ancaman) dan *al-adhkar* (zikir-zikir) (Mahmud al-Tahhan, 2010). Justeru, dapat disimpulkan bahawa hadith yang sangat *da'if* dan hadith palsu tidak boleh beramal dengannya.

Oleh itu, tidak dapat tidak, seseorang yang ingin berinteraksi dengan hadith-hadith Rasulullah SAW mestilah mengetahui manhaj-manhaj yang ditetapkan oleh para ulama yang muktabar dalam menilai keutoritian sesebuah hadith. Dengan yang demikian, barulah dia dapat membezakan sama ada hadith tersebut boleh dijadikan hujah atau tidak.

Hal ini kerana, sebahagian besar hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita adalah sangat *da'if*, palsu tiada asal usulnya daripada Rasulullah SAW (Hafiz Firdaus, 2012). Contohnya hadith:

- i. Kalau bukan wanita, nescaya Allah SWT disembah dengan sebenar-benarnya.
- ii. Bermusyawarahlah kalian (lelaki) dengan mereka (wanita) dan tentanglah pendapat mereka.
- iii. Jika tidak kerana wanita, kaum lelaki pasti masuk Syurga
- iv. Janganlah kamu memberi tempat kepada mereka (wanita) di dalam kamar dan jangan kamu ajar mereka menulis, tetapi ajarlah mereka bagaimana memintal benang dan surah al-Nur dan banyak lagi hadith-hadith yang lain (Hafiz Firdaus, 2012).

Oleh yang demikian, mempersoalkan hadith-hadith *mushkil* berkaitan wanita yang dinilai sangat *da'if*, palsu atau tiada asal-usulnya oleh para ulamak adalah tiada manfaatnya. Hal ini kerana, hadith-hadith dalam kategori tersebut pada hakikatnya tidak diambil kira dan diguna pakai sebagai hujah dalam Islam.

## ii. Menghimpun dan Meneliti Keseluruhan Riwayat yang Berkaitan

Kefahaman yang benar terhadap sesuatu hadith tidak akan diperolehi tanpa terlebih dahulu menghimpun dan meneliti kesemua hadith-hadith *maqbul* yang berkaitan dalam satu tajuk. Hal ini kerana, hadith mempunyai perkaitan antara satu sama dengan yang lain.

Umum mengetahui bahawa hadith Rasulullah SAW berperanan mentafsirkan dan menjelaskan ayat-ayat al-Quran yang *mujmal*, menerangkan ayat-ayat yang *mubham* (samar) menghuraikan ayat-ayat yang umum dan mengikat ayat-ayat yang *mutlaq*. Jika hal ini berlaku antara ayat-ayat al-Quran dengan hadith, maka, lebih-lebih lagi perlu diberi perhatian antara hadith dengan hadith (Yusuf al-Qaradawi, 1996). Justeru, membuat kesimpulan dengan hanya berpandukan kepada satu dua hadith di depan mata sahaja adalah satu kesilapan yang fatal.

Oleh sebab itu, hadith-hadith yang *mutashabih* hendaklah dirujuk mengikut maksud hadith-hadith yang *muhkam*. Hadith-hadith yang *mutlaq* hendaklah dihubungkan dengan hadith-hadith yang *muqayyad*. Hadith-hadith yang umum mestilah ditafsirkan dengan hadith-hadith yang khusus. Oleh yang demikian, akan terungkai maksud hadith-hadith tersebut dan tidak bercanggah antara satu sama dengan yang lain (Yusuf al-Qaradawi, 1996).

Justeru, apabila seseorang itu mendapati sebarang kemusykilan terhadap sesuatu hadith berkaitan wanita, tidak dapat tidak mestilah cuba untuk:

- i. Menghimpun dan meneliti keseluruhan riwayat berkaitan hadith tersebut
- ii. Menghimpun dan meneliti keseluruhan riwayat berkaitan topik tersebut

Riwayat lain berkaitan hadith tersebut kadangkala hadir dengan lafaz yang lebih lengkap serta maksud yang lebih jelas. Manakala, riwayat yang lain berkaitan topik tersebut dapat memberikan gambaran tentang keseluruhan perbincangan berkaitan hadith tersebut. Dengan itu, kesimpulan yang dibuat lebih bersifat syumul.

Sebagai contoh hadith *mushkil* berkaitan putusny solat disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing. Matan hadith tersebut adalah:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ»

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA, katanya: Rasulullah SAW bersabda: Solat itu terputus disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing.

(Muslim. t.t. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Solah*, Bab *Qadr Ma Yastur al-Musalli*, no hadith 511)

Secara zahirnya, hadith ini menimbulkan kemusykilan kerana seolah-olah menyama tarafkan kedudukan wanita dengan anjing dan keldai. Namun, apabila diteliti riwayat-riwayat yang lain berkaitan hadith tersebut, didapati bahawa hadith ini sebenarnya berkaitan dengan perintah Rasulullah SAW kepada orang yang solat supaya meletakkan *sutrah* (penghadang) di depannya. Perintah tersebut dapat diketahui dengan meneliti hadith riwayat Muslim yang matannya lebih panjang:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ، وَيَقِي ذَلِكَ مِثْلُ مُؤَخَّرَةِ الرَّحْلِ»

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda: Solat itu terputus disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing. Oleh itu, letakkanlah penghadang (di hadapannya) sepanjang pelanan haiwan tunggangan.

(Muslim. t.t. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Solah*, Bab *Qadr Ma Yastur al-Musalli*, no hadith 511)

Selain itu, terdapat hadith lain di mana ‘A’ishah RA menyanggahi hadith di atas. ‘A’ishah RA menyatakan bahawa beliau pernah berbaring di antara Rasulullah SAW dengan kiblat ketika baginda SAW sedang menunaikan solat dan baginda tidak memberhentikan solatnya. Hadith berkenaan adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ، وَذَكَرَ عِنْدَهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ، وَالْحِمَارُ، وَالْمَرْأَةُ فَقَالَتْ عَائِشَةُ: قَدْ شَبِهْتُمُونَا بِالْحَمِيرِ وَالْكَلابِ، وَاللَّهُ لَقَدْ «رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصَلِّي وَإِنِّي عَلَى السَّرِيرِ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ مُضْطَجِعَةً، فَتَبَدُّوْا لِي الْحَاجَةَ، فَأَكْرَهُ أَنْ أَجْلِسَ فَأُوذِيَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَأَنْسَلُ مِنْ عِنْدِ رِجْلَيْهِ»

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘A’ishah RA, telah disebutkan kepada ‘A’ishah RA apa yang memutuskan solat iaitu anjing, keldai dan wanita. Maka ‘A’ishah RA berkata: “Kamu telah menyamakan kami (wanita) dengan keldai dan anjing. Demi Allah! Sesungguhnya aku telah melihat Rasulullah SAW menunaikan solat dan aku berbaring di atas katil di antara baginda dan kiblat (di hadapan baginda). Kemudian aku memerlukan sesuatu dan aku tidak suka untuk duduk dan mengganggu Rasulullah SAW, lalu aku bergerak perlahan-lahan mendekati kaki baginda”.

(Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Solah*, Bab *Man Qal: La Yuqta’ al-Solah Shay’*, no hadith 514 & Muslim. t.t. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Solah*, Bab *al-I’tirad bayn Yaday al-Musalli*, no hadith 512).

Justeru, berdasarkan hadith ‘A’ishah RA, majoriti ulama menyatakan bahawa solat tidak terbatal disebabkan oleh wanita. Selain itu, mereka turut menyatakan bahawa istilah *al-qaṭ’* (terputus) dalam hadith bermaksud berkurang pahala bukannya batal (al-San‘ani, t.t).

Oleh yang demikian, hasil penelitian yang dilakukan terhadap riwayat-riwayat berkaitan hadith dan topik yang dibincangkan oleh hadith tersebut, dapat difahami bahawa hadith di atas tidak bermaksud untuk menyama tarafkan martabat wanita dengan anjing dan keldai secara mutlak, tetapi Rasulullah SAW sedang berbicara berkaitan faktor-faktor yang boleh memutuskan solat apabila tidak diletakkan *sutrah* di hadapannya. Namun, setiap daripada mereka (wanita, anjing dan

keldai) mempunyai sebab yang berbeza. Selain itu, dapat difahami juga bahawa istilah *al-qat'* (terputus) dalam hadith tersebut tidak bermaksud terbatal solat, tetapi berkurang pahala solat.

### iii. Meneliti *Asbab al-Wurud* Hadith

*Asbab al-wurud* adalah apa yang menyebabkan sesuatu hadith itu berlaku, perbahasannya sama seperti *asbab nuzul* (sebab penurunan) ayat-ayat al-Quran (Sharaf Mahmud al-Qudah, t.t). Mengetahui sebab-sebab hadith berlaku sama pentingnya sebagaimana mengetahui sebab penurunan al-Quran.

Mengetahui sebab-sebab hadith berlaku besar peranannya untuk memahami apa yang dimaksudkan oleh sesuatu hadith. Hal ini kerana, hadith-hadith yang mempunyai sebab-sebab, situasi serta konteks berlakunya tidak mungkin boleh difahami sebagaimana yang dimaksudkannya tanpa mengambil kira sebab-sebab hadith berlaku hadith berkenaan (Muhammad Abu al-Layth, 2011).

Oleh itu, dengan mengetahui *asbab al-nuzul* penting untuk memperolehi kefahaman yang sahih terhadap sesuatu hadith. Ia juga membantu untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang pandangan Syarak terhadap sesuatu peristiwa serta perbahasan berkaitannya. Selain itu, mengetahuinya juga penting untuk memperolehi gambaran terhadap kehendak dan hikmah Allah SWT di sebalik pensyariatannya (al-Suyuti, 2015).

Kaedah ini dapat diaplikasikan dalam memahami hadith yang menyebutkan bahawa tidak akan berjaya kaum yang dipimpin oleh wanita. Hadith tersebut adalah seperti berikut, Rasulullah SAW bersabda:

لَنْ يَفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

Terjemahan: “Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada wanita”. (Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Maghazi*, Bab *Kitab al-Nabi Salla Allah ‘Alayh wa Sallam ila Kisra wa Qaysar*, no hadith 4425).

Secara zahirnya, hadith ini menunjukkan seolah-olah melarang untuk mengangkat kaum wanita sebagai pemimpin di mana-mana peringkat. Justeru, hadith ini telah dipertikaikan serta ditolak oleh golongan feminis dengan alasan hadith ini adalah hadith *ahad* dan sahabat yang meriwayatkan hadith ini iaitu Abu Bakrah RA tiada sifat *adalah* kerana mementingkan diri ketika menyampaikan hadith tersebut (Khalif Muammar, 2009).

Namun, jika diteliti kepada *asbab al-wurud* hadith ini, maka akan dapat diketahui bahawa hadith ini diucapkan oleh Rasulullah SAW tersebut khusus merujuk kepada tindakan bangsa Parsi pada ketika itu yang mengangkat puteri Kisra sebagai pemerintah mereka. *Asbab al-wurud* tersebut telah dinyatakan dalam teks penuh hadith berkenaan iaitu:

عَنِ الْحَسَنِ، عَنْ أَبِي بَكْرَةَ، قَالَ: لَقَدْ نَفَعَنِي اللَّهُ بِكَلِمَةٍ سَمِعْتُهَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا بَلَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيَّامَ الْجَمَلِ، بَعْدَ مَا كَدْتُ أَنْ أَلْحَقَ بِأَصْحَابِ الْجَمَلِ فَأُقَاتِلَ مَعَهُمْ، قَالَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّ أَهْلَ فَارِسٍ قَدْ مَلَكُوا عَلَيْهِمْ بِنْتَ كِسْرَى، قَالَ: لَنْ يَفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada al-Hasan, daripada Abu Bakrah, katanya: Allah SWT telah memberikanku manfaat daripada sabda yang aku dengari daripada Rasulullah SAW ketika perang Jamal setelah aku hampir membenarkan pasukan tentara Jamal serta berperang bersama-sama mereka. Berkata (Abu Bakrah): Apabila dikhabarkan kepada Rasulullah SAW bahawa bangsa Parsi telah mengangkat puteri Kisra sebagai pemimpin mereka. Rasulullah SAW bersabda: “Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada wanita”.

(Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Maghazi*, Bab *Kitab al-Nabi Salla Allah ‘Alayh wa Sallam ila Kisra wa Qaysar*, no hadith 4425).

Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani, hadith di atas berkaitan dengan kerajaan Parsi, di mana telah berlaku perebutan kuasa antara-anak kepada pemerintahnya. Apabila pemerintah tersebut meninggal, puteri iaitu Buwaran Bint Shayrawayh telah dilantik sebagai pemerintah. Tidak lama kemudian, kerajaan Parsi telah runtuh (Ibn Hajar al-Asqalani, 1379H). Hal ini kerana, Rasulullah SAW memahami konteks masyarakat Parsi ketika itu, kaum wanita secara umumnya tidak didedahkan dengan urusan pemerintahan dan kenegaraan. Kekurangan pengalaman dalam aspek pemerintahan dan kenegaraan akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk mentadbir negara dan rakyat dengan baik (Qasim Amin, 1899).

Justeru, jelaslah bahawa hadith di atas disabdakan oleh Rasulullah SAW merujuk kepada peristiwa pelantikan puteri Kisra sebagai pemerintah Parsi, bukannya menegah untuk melantik kaum wanita sebagai pemimpin. Tambahan pula, tidak terdapat hadith Rasulullah SAW yang menyebutkan secara jelas larangan mutlak untuk mengangkat wanita sebagai pemimpin.

#### iv. Memahami Konteks Hadith Diucapkan

Setiap teks hadith mesti dikaitkan dengan konteksnya, kerana konteks merupakan elemen penting yang menggambarkan maksud dan kemahuan daripada pengucapnya (Syed Abdul Majid, 2018). Kefahaman yang baik dan sempurna terhadap hadith tidak akan diperolehi kecuali dengan diketahui hubungkait dan ikatannya dengan tempat dan masa yang mengiringi hadith tersebut.

Hal ini kerana, terdapat hadith yang diucapkan dengan mengambil kira realiti sesuatu tempat atau masa secara khusus, iaitu bagi kemaslahatan tertentu, atau menolak kemudaratan tertentu, atau merungkaikan permasalahan semasa itu (Syed Abdul Majid, 2018).

Contohnya hadith *mushkil* tentang kebanyakan penghuni nereka adalah wanita. Hadith tersebut adalah sebagaimana berikut:



أَطَّلَعْتُ فِي: عَنْ أَبِي رَجَاءِ الْعَطَارِدِيِّ، عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ:  
الْجَنَّةُ، فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءَ، وَأَطَّلَعْتُ فِي النَّارِ، فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Raja' al-'Utaridi, daripada 'Imran Ibn Husayn, daripada Nabi SAW, sabdanya: "Aku melihat ke dalam Syurga dan aku mendapati kebanyakan penghuninya adalah golongan miskin. Kemudian aku melihat ke dalam neraka dan aku mendapati kebanyakan penghuninya adalah golongan wanita".

(Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *Bad'i al-Khalq*, Bab *Ma Ja'a fi Sifah al-Jannah wa Annaha Makhluqah*, no hadis 3241).

Jika diteliti secara zahir teks hadith ini, maka seolah-olah celaan kepada golongan wanita dan menetapkan bahawa pengakhiran mereka adalah berada di dalam neraka. Namun, jika diteliti kepada konteksnya, maka hadith ini tidak bertujuan sedemikian.

Hakikatnya, konteks hadith ini diucapkan oleh Rasulullah SAW adalah untuk memberi nasihat dan ancaman kepada kaum wanita supaya memperbanyakkan amal soleh dan menjauhi dosa-dosa yang boleh menyebabkan mereka dimasukkan ke dalam neraka. Konteks ini dapat diketahui dengan melihat kepada Riwayat-riwayat yang lain berkaitan hadith tersebut. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah Ibn 'Umar RA, Rasulullah SAW bersabda:

يَا مَعْشَرَ النِّسَاءِ، تَصَدَّقْنَ وَأَكْثِرْنَ الِاسْتِغْفَارَ، فَإِنِّي رَأَيْتُكُمْ أَكْثَرَ أَهْلِ النَّارِ. فَقَالَتْ امْرَأَةٌ مِنْهُنَّ جَزَلَةٌ:  
وَمَا لَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَكْثَرُ أَهْلِ النَّارِ؟ قَالَ: تُكْثِرْنَ اللَّعْنَ، وَتَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ

Terjemahan: Wahai wanita sekalian! Bersedekahlah dan perbanyakkan istighfar, kerana aku melihat penghuni neraka yang terbanyak adalah dalam kalangan kalian. Kaum wanita bertanya: Kenapa kami yang terbanyak berada di dalam neraka wahai Rasulullah? Jawab Rasulullah SAW: Kerana kalian banyak mengutuk dan mengingkari suami.

(Muslim. t.t. *Sahih Muslim*. Kitab *al-Iman*, Bab *Bayan Nuqsan al-Iman bi Naqs al-Ta'at wa Bayan Ilaq Lafz al-Kufr 'ala Ghayr al-Kufr bi Allah ka Kufr al-Ni'mah wa al-Huquq*, no hadith 79)

Hadith di atas menunjukkan Rasulullah SAW menasihatkan kaum wanita supaya memperbanyakkan sedekah dan istighfar kerana amalan-amalan tersebut boleh mengelakkan mereka daripada neraka. Rasulullah SAW juga mengingatkan kaum wanita supaya menjauhi dosa-dosa yang boleh menjerumuskan mereka ke dalam neraka seperti mengutuk dan mengingkari suami.

Di dalam riwayat lain yang berkaitan, Rasulullah SAW juga menjelaskan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan wanita dimasukkan ke dalam neraka. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas RA:

قال النبي صلى الله عليه وسلم: أُرِيتُ النَّارَ فَإِذَا أَكْثَرُ أَهْلِهَا النِّسَاءُ، يَكْفُرْنَ قِيلَ: أَيْكُفِّرْنَ بِاللَّهِ؟ قَالَ: يَكْفُرْنَ الْعَشِيرَ، وَيَكْفُرْنَ الْإِحْسَانَ، لَوْ أَحْسَنْتَ إِلَى إِحْدَاهُنَّ الدَّهْرَ، ثُمَّ رَأَتْ مِنْكَ شَيْئًا، قَالَتْ: مَا رَأَيْتُ مِنْكَ خَيْرًا قَطُّ

Terjemahan: Nabi SAW bersabda: “Aku diperlihatkan neraka dan aku dapati kebanyakan penghuninya adalah wanita disebabkan mereka kufur”. Para sahabat bertanya: “Apakah mereka kufur kepada Allah?” Jawab Nabi SAW: “Mereka kufur (iaitu tidak berterima kasih) kepada suami mereka dan kufur (tidak bersyukur) di atas kebaikan yang telah diberi kepada mereka (oleh para suami). Sekalipun dibuat baik kepada seseorang mereka sepanjang hayat, apabila dia (isteri) melihat sesuatu (keburukan) pada kamu, dia akan berkata: Saya tidak pernah melihat sebarang kebaikan pada anda”.

(Al-Bukhari. 1422H. *Sahih al-Bukhari*. Kitab *al-Iman*, Bab *Kufr al-‘Ashir wa Kufur Dun Kufur*, no hadith 29).

Justeru, melalui hadith-hadith di atas, Rasulullah SAW menjelaskan jenis-jenis dosa yang kebiasaannya dilakukan oleh golongan wanita yang menyebabkan mereka dimasukkan ke dalam neraka sebagai peringatan dan ancaman supaya mereka menjauhi dosa-dosa tersebut.

#### v. Memahami Maqasid Hadith

Maqasid adalah matlamat atau objektif disebalik sesebuah hadith. Menurut, al-Qarafi, jika suatu hadith yang berkaitan perintah atau larangan akan dijadikan dalil atau hujah bagi suatu kes hukum, maka yang harus dilihat lebih dahulu adalah “apakah perintah atau larangan itu bersifat mengikat atau tidak?” Jika hadith tersebut disampaikan dalam kapasiti baginda sebagai seorang mufti, maka larangan dimaksud tidak mengikat, sebab hadith tersebut hanya merupakan pandangan Nabi SAW. Jika suatu hadith dikeluarkan dalam kapasiti baginda sebagai seorang hakim dan keputusannya merupakan sebuah produk hukum, maka hadith tersebut boleh mengikat (al-Qarafi, 1995).

Sependapat dengan al-Qarafi, Jasser Auda membezakan perbuatan Nabi SAW dengan kapasiti baginda sebagai Nabi, hakim dan pemimpin. Masing-masing maksud memiliki konotasi yang berbeza. Dalam memahami hadith Nabi SAW, dengan kapasitinya yang berbeza-beza tersebut, pendekatan maqasid sangat penting digunakan, contohnya ketika Nabi sedang memberikan hukum (pembuat undang-undang), ketika Nabi berfatwa, ketika sebagai hakim, sebagai pemimpin, sebagai pendamai, sebagai penasihat, memberi pandangan dan lain-lain lagi (Jasser Auda, 2014).

Menurut Rozaimi, terdapat beberapa peranan maqasid dalam memahami hadith Rasulullah SAW, iaitu (Jasser Auda, 2014):

1. Menjaga *masalih* (kepentingan) dan menggugurkan kerosakan ketika mentafsirkan teks hadith.
2. Dapat melaksanakan objektif syarak.
3. Menghilangkan kemusykilan dalam teks hadith.
4. Mengaitkan hukum yang disebut dalam dalil dengan sesuatu yang tidak disebut dalam dalil.

5. Mentarjihkan pandangan ulama yang selari dengan maqasid syariah.
6. Mentafsirkan hadith dengan tafsiran yang munasabah.

Justeru, mengaplikasikan maqasid dalam berinteraksi dengan hadith amat penting bagi memastikan kesimpulan yang diputuskan menepati maqasid hadith Nabi SAW secara khususnya serta maqasid syarak secara umumnya.

Kaedah ini boleh diguna pakai dalam memahami hadith tentang putusnya solat disebabkan oleh wanita, keldai dan anjing yang telah disebutkan hadithnya pada sub-topik 3.2 di atas. Tanpa meneliti maqasid daripada hadith tersebut, maka secara zahirnya hadith tersebut seolah-olah menyamakan kedudukan wanita dengan keldai dan anjing.

Namun, itu bukanlah maqasid hadith tersebut diucapkan oleh Rasulullah SAW. Hasil penelitian daripada hadith-hadith yang lain berkaitan hadith tersebut (telah disebutkan pada sub-topik 3.2), maka dapat difahami bahawa maqasid daripada hadith tersebut adalah supaya seseorang itu menghalang dirinya daripada apa sahaja yang boleh mengganggu dan mengurangkan kesempurnaan solatnya. Faktor-faktor yang mengganggu dan mengurangkan kesempurnaan solat tersebut adalah banyak dan tidak hanya terhad kepada wanita, anjing dan keldai sahaja. Justeru, wanita, anjing dan keldai disebutkan oleh Rasulullah SAW hanya sebahagian contoh kepada faktor-faktor tersebut (Norhasnira, Nur Saadah & Shamsudin, 2018).

## **Kesimpulan**

Salah tafsir dan salah faham terhadap hadith-hadith mushkil berkaitan dengan wanita akan dapat diharmonikan dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah yang betul dalam berinteraksi dengan hadith-hadith mushkil tersebut. Kesimpulannya, terdapat lima kaedah yang boleh diaplikasikan iaitu meneliti autoriti hadith, menghimpun dan meneliti keseluruhan riwayat yang berkaitan, meneliti asbab al-wurud hadith, memahami konteks hadith diucapkan dan memahami maqasid hadith. Kaedah yang pertama diguna pakai kepada hadith-hadith yang tidak diketahui statusnya sama ada maqbul (diterima) atau mardud (ditolak). Manakala, kaedah yang ke-2 hingga ke-5 diguna pakai kepada hadith-hadith yang maqbul sahaja. Selain itu, sesebuah hadith mushkil berkaitan wanita tidak hanya terikat dengan salah satu daripada kaedah tersebut sahaja, malah boleh diaplikasikan dengan mana-mana kaedah jika bersesuaian.

Selain daripada itu, kaedah-kaedah yang diketengahkan ini tidak akan dapat menghindari kritikan dan penolakan terhadap hadith-hadith mushkil berkaitan wanita jika neraca pemikiran sekular-liberal masih diguna pakai dalam berinteraksi dengannya. Justeru, neraca tersebut haruslah diketepikan terlebih dahulu bagi membolehkan penilaian terhadap hadith-hadith mushkil tersebut dapat dilakukan secara adil.

## Rujukan

- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Isma'il. 1422H. *Ṣahih al-Bukhari*. ed. Muhammad Zuhayr Ibn Nasir al-Nasir. Beirut: Dar Tuq al-Najah.
- Al-Qarafi, Abu al-'Abbas Shihab al-Din Ahmad Ibn Idris. 1995. *al-Ihkam fi Tamyiz al-Fatawa 'an al-Ahkam wa Tasarrufat al-Qadi wa al-Imam*. ed. 'Abd al-Fattāh Abu Ghuddah. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah li Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Al-San'ani, Muhammad Ibn Isma'il Ibn Solah Ibn Muhammad al-Hasani. t.t. *Subul al-Salam*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Suyuti, Abu al-Fadl Jalal al-Din Abd al-Rahman Ibn al-Kamal Abu Bakr Ibn Muhammad. 2015. *Sebab Hadis Diucapkan oleh Rasulullah SAW*. terj. Syihabudin Ahmad et. al. Selangor: Kemilau Publika.
- Hafiz Firdaus Abdullah. 2012. *Kaedah Memahami Hadis-Hadis Musykil*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Ibn Hajar al-'Asqalani; Abu al-Fadl Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-Shafi'i. 1379H. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Jasser Auda. 2014. *Memahami Maqasid Syariah*. terj. Marwan Bukhari. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud al-Tahhan. 2010. *Taysir Mustalah al-Hadith*. al-Riyad: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Mohd Akil, Mazlan Ibrahim dan Dwi Sukmanila Sayska. 2011. "Hadith 'Anti Wanita' Berkenaan Dengan Kehidupan Rumah Tangga: Kajian Kritik Terhadap Feminis Liberal". *Jurnal Al-Bayan* 9 (1), 135-166.
- Mohd Anuar Ramli dan Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2011. "Hadis Misogini: Satu Ulasan". dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulieman & Faisal Ahmad Shah. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. 2011. *'Ulum al-Hadith Asiliha wa Ma'asiriha*. Selangor: Darul Syakir.
- Muhammad Rozaimi Ramle. 2015. "Peranan Ilmu Maqasid Syariah Dalam Memahami Teks Hadith: Suatu Analisis". dalam *Salah Faham Terhadap Sunnah: Isu dan Penyelesaian*. ed. Khadher Ahmad, Faisal Ahmad Shah dan Monika @ MunirahAbdRazzak. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith.
- Muslim, Abu al-Ḥasan Muslim Ibn al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. t.t. *Sahih Muslim*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Norhasnira Ibrahim, Nur Saadah Hamisan @ Khair & Shamsudin Yabi. 2018. "Analisis Terhadap Hadith Tentang Penyamatarfan Wanita dan Haiwan: Ulasan dan Kritikan". *Journal of Hadith Studies* 3 (1), 10-18.
- Nur Saadah Hamisan @ Khair. 2019. "Tradisi Misogini dan Anti-Wanita dalam Hadis: Isu dan Analisis", dalam *Inspirasi Muslimah: Ke Arah Matlamat Pembangunan Mapan*. ed. Nurhafilah Musa & Najah Nadiah Amran. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Qasim Amin. 1899. *Tahrir al-Mar'ah*. Kaherah: Dar al-Ma'rifah.
- Sharaf Mahmud al-Qudah. t.t. *al-Minhaj al-Hadith fi 'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: Albayan

Corporation Sdn. Bhd.

Syed Abdul Majid Ghouri. 2018. *Prinsip-Prinsip Asas Dalam Memahami Hadith Nabawi*. terj. Zuhilmi Mohamed Nor & Muhamad Hafizi Sulaiman. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Usamah. 2013. "Pemahaman Hadis-Hadis Misoginis Menurut Ulma Hadis dan Feminis Muslim Indonesia". *Studia Insania* 1 (2), 141-153.

Yusuf al-Qaradawi. 1996. *Bagaimana Berinteraksi dengan Al-Sunnah*. terj. Huda Mohsin & Jawiah Dakir. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.